

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]

SOALAN NO. 370

Y.B. TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan hutang 1MDB setakat bulan Mei 2018 yang kini menjadi tanggungan Kerajaan dan terpaksa dibayar menggunakan dana awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan komitmen hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) pada Mei 2018 adalah seperti di jadual berikut (USD1=RM4.10):

Bil.	Hutang	Tarikh Bayaran Faedah	Jumlah Prinsipal (RM Juta)	Jumlah Faedah (RM Juta)	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
1	Sukuk IMTN terbitan 1MDB (P:RM5b, i:5.75%, M:2039)	Mei & Nov	5,000	6,181	11,181
2	Bon terbitan 1MDB Global Investment Ltd (P:USD3b, i:4.4%, M:2023)	Mac & Sept	12,300	2,706	15,006
3	Bon terbitan 1MDB Energy (Langat) Ltd (P:USD1.75b, i:5.75%, M:2022)	April & Okt	7,175	1,857	9,032
4	Bon terbitan 1MDB Energy Ltd (P:USD1.75b, i:5.99%, M:2022)	Mei & Nov	7,175	1,719	8,894
	Jumlah		31,650	12,463	44,113

Nota:

P : Prinsipal

i : Faedah

M : Tahun matang

Selain itu, Kerajaan bagi tempoh April 2017 hingga Mei 2018 telah menyalurkan bantuan kewangan kepada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak kira-kira RM6.98 bilion melalui Kementerian Kewangan dan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi tujuan pelunasan bayaran faedah pinjaman dan bayaran penyelesaian kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Secara keseluruhannya, hutang 1MDB pada bulan Mei 2018 adalah berjumlah **RM51.1 bilion** yang terdiri daripada bayaran prinsipal dan faedah sukuk dan bon masing-masing berjumlah RM31.65 bilion dan RM12.46 bilion serta bantuan kewangan dari Kerajaan sebanyak RM6.98 bilion.